

11 SEP 2003

UiTM-Mahathir

KOLEKSI MINDA DR MAHATHIR AKAN DIJADIKAN BUKU TEKS UiTM

KANGAR, 11 Sept (Bernama) -- Koleksi minda Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah dibukukan akan disenaraikan dalam kurikulum Universiti Teknologi Mara (UiTM) mulai tahun depan.

Naib Canselor UiTM Datuk Seri Prof Ibrahim Abu Shah berkata setakat ini sebanyak 14 buku mengandungi ucapan-ucapan Perdana Menteri dalam bahasa Melayu dan Inggeris telah dihasilkan.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis penyerahan koleksi minda Dr Mahathir di UiTM Arau malam tadi, beliau berkata mulai tahun depan, kira-kira 100,000 pelajar serta 9,300 tenaga akademi di 14 kampusnya akan menggunakan buku itu.

Katanya koleksi minda tokoh yang berpandangan jauh itu wajar menjadi teks pengajian kerana ia membawa banyak kebaikan untuk masa kini dan akan datang.

Antara koleksi minda itu termasuk ucapan-ucapan Perdana Menteri mengenai globalisasi, perkongsian pintar, Islam, ekonomi, politik, kerjasama serantau, wawasan 2020, astronomi, Koridor Raya Multimedia dan petua pegawai eksekutif Malaysia.

Ibrahim berkata, semasa menjadi pensyarah sekitar tahun tujuh puluhan, beliau telah menjadikan koleksi minda Dr Mahathir sebagai satu daripada cabang pengajian.

"Ketika itu sekitar 1976, Dr Mahathir belum jadi Perdana Menteri tetapi pemikirannya banyak membangkitkan semangat rakyat untuk membawa perubahan dan saya meletakkannya sebagai salah satu bahagian dalam pengajian," katanya.

Sehingga kini koleksi minda Dr Mahathir telah digunakan secara tidak rasmi bagi program pengajian Komunikasi Massa dan Pentadbiran Awam, katanya.

Menurutnya, penerbitan buku itu yang dilakukan secara bersama oleh UiTM dan Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad telah dilancarkan pada Mei lalu oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Kuala Lumpur.

Ibrahim berkata, setakat ini kira-kira 7,000 naskhah buku-buku koleksi minda pemimpin itu telah dan akan diedarkan di seluruh kampus UiTM dan akan digunakan oleh 21 fakulti yang membabitkan 193 program.

Katanya, UiTM akan terus bekerjasama dengan Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad bagi menerbitkan terjemahan buku berkenaan dalam beberapa bahasa lain kerana pemikirannya bertaraf dunia.

Sementara itu, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim ketika merasmikan majlis penyerahan koleksi itu kepada UiTM Perlis dan Kedah berkata Dr Mahathir adalah pemimpin negara Islam yang terhebat di abad ini.

Katanya, banyak negara mahu Dr Mahathir menjadi penasihat mereka selepas bersara daripada jawatan Perdana Menteri kelak.

"Ini adalah sanjungan dan penghormatan besar negara-negara Islam terhadap Dr Mahathir," katanya.

Beliau berkata, Dr Mahathir telah meletakkan Islam sebagai asas pentadbiran dan pengurusan negara dan ia merupakan resipi kejayaan kepimpinan pemimpin itu.

-- BERNAMA

AD RHM